



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 18,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : IPK.Sel.Pent.
100-24/1/4 Jld.10 (78)
Tarikh : 13 Syawal 1440H
17 Jun 2019

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
Y.B. Tuan Speaker Dewan Negeri
Semua Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
Semua Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor
Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor
Semua Orang Besar Daerah Negeri Selangor
Semua Datuk Bandar Majlis Bandaraya / Yang Dipertua Majlis
Perbandaran/Daerah Negeri Selangor.
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri / Persekutuan
Semua Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor

YAB. Dato' / YAM. Tengku / YB. Tan Sri / YB. Dato'/Datuk/ YB. Tuan/Puan /
YDM. Dato' / YDH./ YAD. Tan Sri / YAD. Dato' Setia / Ybgh. Dato'/ Datin
Paduka / Tuan/Puan,

**PENCALONAN BAGI PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG
KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-74 DULI YANG
MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI
ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, SULTAN
SELANGOR TAHUN 2019**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Sempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74 Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Sultan Selangor pada **11 Disember 2019**, Kerajaan Negeri Selangor

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Darul Ehsan dengan sukacitanya menjemput YAB. Dato' / YAM. Tengku/ YB. Tan Sri / YB. Dato'/Datuk / YB. Tuan/Puan / YDM. Dato' / YDH./ YAD. Tan Sri / YAD. Dato' Setia / YBhg. Dato' / Datin Paduka / Tuan/Puan, mengemukakan perakuan pencalonan bagi pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan kepada mereka yang berjasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

2. PERAKUAN PENCALONAN

- 2.1. Perakuan pencalonan bagi Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan bagi pegawai dan kakitangan hendaklah dibuat oleh **Ketua Jabatan masing-masing.**
- 2.2. Semua jabatan dan agensi adalah dipohon memberi kerjasama mengedarkan pekeliling ini kepada Pertubuhan-pertubuhan Profesional, Persatuan-persatuan, Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan, Sukarela, Sukan, Sosial, Agama dan lain-lain yang berkaitan dengan jabatan atau agensi masing-masing untuk mengemukakan perakuan pencalonan.
- 2.3. Ketua jabatan dan agensi hendaklah mengemukakan perakuan pencalonan daripada semua peringkat pegawai dan kakitangan dan tidak terhad kepada sesuatu jabatan atau jenis jawatan sahaja.

3. ASAS PERAKUAN PENCALONAN

- 3.1. Seseorang calon yang diperakukan untuk pengurniaan sesuatu Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor

Darul Ehsan, hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berjasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

- 3.2. Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan yang diperakukan hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam **Garis Panduan Bagi Menimbang Kelayakan Calon-calon Untuk Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2019 di LAMPIRAN 'A'**.
- 3.3. Seseorang yang telah menerima sesuatu kurniaan negeri boleh dicalonkan lagi **selepas tiga (3) tahun kurniaan terdahulu**.
- 3.4. Seseorang yang pernah **menolak tawaran pengurniaan** tidak perlu dicalonkan semula.
- 3.5. **Keutamaan** hendaklah diberi **kepada calon-calon yang telah lama berkhidmat dalam sesuatu perkhidmatan/bidang**.

4. PERATURAN MENGEMUKAKAN PERAKUAN PENCALONAN

- 4.1. Borang perakuan pencalonan di **LAMPIRAN 'B'** boleh diperolehi **secara percuma** daripada:

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor
No.Telefon: 03 55447060 / 03 55447770 / 03 55212353
No. Fax: 03 55193301 / 03 55101088

dengan cara datang sendiri atau permohonan melalui surat atau muat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu <http://www.selangor.gov.my>.

4.2 Borang perakuan pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam:

4.2.1 satu (1) salinan Borang Pencalonan mengikut format di Lampiran 'B' dan 'B1' (Pencalonan yang tidak menggunakan format borang yang ditetapkan akan ditolak)

4.2.2 satu (1) salinan kad pengenalan bahagian depan dan belakang

4.2.3 satu (1) keping gambar berukuran pasport

sebelum tarikh tutup pencalonan seperti dinyatakan di para 5. **Pencalonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan.**

4.3. Borang perakuan pencalonan dan senarai yang mengandungi nama cadangan calon dan maklumat lain mengikut susunan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor di **LAMPIRAN 'A'** disedia dan dikemukakan dalam format di **LAMPIRAN 'C'** jika mencalonkan lebih daripada seorang pegawai di Jabatan.

4.4. Perakuan pencalonan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan disokong oleh Ketua Ibu Pejabat jabatannya. Sebagai contoh, jika pencalonan dikemukakan daripada peringkat daerah, borang tersebut perlu ditandatangani oleh Ketua Jabatannya di peringkat daerah dan disokong pula oleh Ketua Jabatan di peringkat negeri.

- 4.5. Perakuan pencalonan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Selangor yang telah dicadang oleh Ketua Jabatan masing-masing dan disokong oleh Ketua Ibu Pejabat jabatannya hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam.**

- 4.6. Perakuan pencalonan Pegawai Kerajaan yang bergerak cergas dalam Pertubuhan Profesional, Kebajikan, Sukarela, Sukan, Sosial, Agama dan lain-lain hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada **Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat** di mana calon-calon itu berkhidmat. Sebagai contoh, jika seseorang pegawai atau kakitangan daripada Jabatan Pendidikan dicalonkan oleh Jabatan Kesihatan di atas kegiatannya dalam Pasukan Bulan Sabit Merah, maka pencalonan itu hendaklah mendapat sokongan daripada Pengarah Pendidikan Negeri terlebih dahulu.
- 4.7. Semua perakuan pencalonan daripada Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pertubuhan-Pertubuhan Profesional, Kebajikan, Sukarela, Sukan, Sosial, Agama dan lain-lain perlu mendapat sokongan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri atau Ketua Jabatan di mana Persatuan/Pertubuhan berkenaan bernaung dan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan berkenaan.

5. TARIKH TUTUP PENCALONAN

- 5.1. Tarikh tutup pencalonan adalah pada **19 Ogos 2019 (Isnin)**. Semua borang perakuan pencalonan hendaklah dialamatkan kepada:

**YANG BERTAMBAH,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR.**

- 5.2. Semua Jabatan/Agensi adalah diminta memberi kerjasama mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan yang dijelaskan bagi memudahkan urusan memproses pencalonan oleh Pentadbiran ini.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S., B.C.M. B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Selangor

Salinan kepada:

Y.A.M. Tengku Laksamana Selangor,
Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan
Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj,
D.K.(Johor), D.K.II., S.P.M.J., S.P.M.S., S.J.M.K., P.I.S.,
"RIAHMAN",
Bukit Riahman,
No. 1, Jalan Bukit Opu Daeng Chelak Satu 9/2-A,
40000 Shah Alam.

Yang Berusaha Dato' Pengelola Bijaya DiRaja kepada,
D.Y.M.M. Sultan Selangor,
Istana Alam Shah,
41500 Klang.

Yang Berusaha Dato' Lela Bakti,
Setiausaha Sulit Kepada,
D.Y.M.M. Sultan Selangor,
Istana Bukit Kayangan,
40000 Shah Alam.

Setiausaha
Dewan di-Raja Selangor
Tingkat 24, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam

Edaran Dalaman:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Ketua Setiausaha Sulit Kepada
Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)
Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Maklumat)
Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)
Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
Setiausaha Bahagian (Dewan)
Setiausaha Bahagian (Korporat)
Timbalan Pengarah (Makro dan Penswastaan)
Timbalan Pengarah (Pihak Berkuasa Tempatan)
Timbalan Pengarah (Sektoral)

Timbalan Pengarah (Agihan dan Pembangunan)
Ketua Penolong Setiausaha (Protokol)
Ketua Penolong Setiausaha (Unit Integriti)
Ketua Penolong Setiausaha (Unit Pengurusan Bencana)
Ketua Penolong Setiausaha (Unit MMKN)
Penolong Pengarah (MTES)

SU(Khas)/U.Bintang/PT(B)1

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN
KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK PENGURNIAAN
DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
TAHUN 2019**

1. PENDAHULUAN

Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan yang biasa dikurniakan kepada mereka yang berbakti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada Kerajaan Negeri bersesuaian dengan taraf kedudukan mereka adalah daripada kumpulan atau jenis seperti di bawah:

a. DARJAH KEBESARAN MAHKOTA SELANGOR

- | | | |
|---------------|---|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kelas Pertama | - | Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)
(Membawa gelaran "Dato' Seri" bagi penerima lelaki dan "Datin Paduka Seri" bagi penerima wanita) |
| Kelas Kedua | - | Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.)
(Membawa gelaran "Dato'" bagi ahli lelaki dan "Datin Paduka" bagi ahli wanita) |
| Kelas Ketiga | - | Setia Mahkota Selangor (S.M.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran) |
| Kelas Keempat | - | Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran) |

b. DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

- Kelas Pertama - Dato' Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.)
(Membawa gelaran “Dato' Setia” bagi penerima lelaki dan “Datin Paduka Setia” bagi penerima wanita)
- Kelas Kedua - Dato' – Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.)
(Penerima memakai gelaran “Dato'” manakala penerima wanita akan memakai gelaran “Datin Paduka”)
- Kelas Ketiga - Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran)
- Kelas Keempat - Ahli – Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran)

c. DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT SUKAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

Kelas Ketiga - Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (A.K.S.)
(Tiada membawa apa-apa gelaran)

Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B.K.S.)

Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (P.K.S.)

d. BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)

e. **PINGAT KEBERANIAN**

- Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)

f. **PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

- Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)
- Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)

g. **WATIKAH PELANTIKAN JAKSA PENGAMAN (J.P.)**

2. **KELAYAKAN**

Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan dijelaskan secara ringkas seperti perenggan-perenggan di bawah yang disusun mengikut kekananan. Secara lebih terperinci panduan bagi pencalonan adalah seperti di **Lampiran A1** dan Kriteria Asas dan Kriteria Tambahan adalah seperti di **Lampiran A2**.

2.1. **DARJAH KEBESARAN MAHKOTA SELANGOR**

(a) **DARJAH KEBESARAN SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR**
(S.P.M.S.)

Darjah Kelas Pertama

- (i) Darjah Kebesaran ini biasanya dianugerahkan/ dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta Kerajaan. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berhak menganugerahkan/ mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja

yang Baginda Tuanku anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan dan rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.

- (ii) Darjah Kebesaran S.P.M.S. ini dizahirkan dalam tahun 1961. Ahli Kehormat Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor biasanya terdiri daripada Putera-Putera Diraja, Pemerintah-Pemerintah dan Ketua-Ketua Negara asing. Bilangan maksima bagi ahli yang dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Kebesaran Kelas Pertama ini ialah **dua (2) orang pada satu-satu masa**. Ahli-ahli yang menerima anugerah/ kurniaan Seri Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran “ Dato’ Seri ” pada pangkal namanya bagi Ahli Lelaki, “ Datin Paduka Seri ” kepada Ahli Wanita, Isteri Ahli-ahli Lelaki menggunakan gelaran “ Datin Seri ” pada pangkal namanya, manakala suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.
- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus III ke atas atau setaraf dengannya.

(b) **DARJAH KEBESARAN DATO’ PADUKA MAHKOTA SELANGOR (D.P.M.S.)**

Darjah Kelas Kedua

- (i) Orang yang layak menerima pengurniaan Darjah Kebesaran ini adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama (S.P.M.S.). Ahli-ahli yang menerima kurniaan Dato’ Paduka Mahkota Selangor berhak menggunakan gelaran “ Dato’ ” bagi Ahli Lelaki, “ Datin Paduka ” bagi Ahli Wanita pada pangkal nama mereka dan “ Datin ” bagi isteri Ahli Lelaki. Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.

- (ii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.

(c) **DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA SELANGOR (S.M.S.)**
Darjah Kelas Ketiga

- (i) Orang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama dan Kedua.
- (ii) Bintang ini dizahirkan pada tahun 1961. Ahli-Ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.
- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 atau setaraf dengannya.

(d) **DARJAH KEBESARAN AHLI MAHKOTA SELANGOR (A.M.S.)**
Darjah Kelas Keempat

- (i) Bintang ini dizahirkan pada tahun 1982 dan diletakkan di dalam famili Darjah Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Amat Mulia sebagai Darjah Kelas Keempat iaitu di bawah Darjah Setia Mahkota Selangor. Orang yang layak dipertimbangkan untuk menerima pengurniaan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) adalah mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan cemerlang.

- (ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.
- (iii) Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi anggota-anggota di dalam Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.

2.2. DARJAH KEBESARAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

(a) DARJAH KEBESARAN DATO' SETIA – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.) **Darjah Kelas Pertama**

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.). Darjah Kebesaran ini boleh dianugerahkan/ dikurniakan kepada kaum kerabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta orang-orang perseorangan yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta Kerajaan. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berhak menganugerahkan/ mengurniakan Darjah Kebesaran ini kepada sesiapa sahaja yang Baginda Tuanku anggap layak dan sesuai untuk menerima penghargaan serta rasa kemesraan yang paling tinggi daripada Baginda.
- (ii) Ahli lelaki yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato' Setia" dan Ahli Wanita yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka Setia" pada pangkal nama mereka, manakala isteri kepada Ahli Lelaki berhak menggunakan gelaran "Datin Setia". Suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.

- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai bagi mereka yang berada dalam jawatan Gred Utama Turus III ke atas atau setaraf dengannya.

(b) DARJAH KEBESARAN DATO' – SULTAN SHARAFUDDIN
IDRIS SHAH (D.S.I.S.)
Darjah Kelas Kedua

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.). Mereka yang layak dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Kelas Kedua ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dianugerahkan/ dikurniakan Darjah Kelas Pertama.
- (ii) Ahli Lelaki yang menerima anugerah/ kurniaan ini berhak menggunakan gelaran "Dato" dan Ahli Wanita pula berhak menggunakan gelaran "Datin Paduka" pada pangkal namanya, manakala isteri penerima lelaki boleh diberi gelaran "Datin" manakala suami kepada Ahli Wanita tidak berhak menggunakan apa-apa gelaran.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk mereka yang berada dalam jawatan Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya.

c) **DARJAH KEBESARAN SETIA – SULTAN SHARAFUDDIN
IDRIS SHAH (S.I.S.)**

Darjah Kelas Ketiga

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.). Mereka yang layak menerima Darjah Kebesaran ini mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang dikurniakan Darjah Kebesaran Kelas Pertama dan Kelas Kedua.
- (ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 48 ke atas atau setaraf dengannya.

(d) **DARJAH KEBESARAN AHLI – SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS
SHAH (A.I.S.)**

Darjah Kelas Keempat

- (i) Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan cemerlang.
- (ii) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal namanya.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran ini sesuai untuk anggota yang berada dalam jawatan Gred 26 ke atas atau setaraf dengannya.

**2.3. DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT SUKAN
SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

**(a) DARJAH KEBESARAN AHLI KEGEMILANGAN SUKAN
SELANGOR (A.K.S.)
Darjah Kelas Ketiga**

- (i) Darjah Kebesaran ini sama tarafnya dengan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.).
- (ii) Darjah Kebesaran ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-Ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun.
- (iii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang telah menempa nama di Peringkat Antarabangsa atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan yang berjaya di Peringkat Antarabangsa.
- (iv) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah memenangi Pingat di kejohanan-kejohanan yang berprestij di Peringkat Antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Komenwel dan Sukan Asia atau kejohanan-kejohanan Peringkat Dunia.
- (v) Ahli-ahli yang dikurniakan Darjah Kebesaran ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka.

- (vi) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Darjah Kebesaran ini tidak melebihi tiga (3) orang pada satu-satu masa dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah lima puluh (50) orang.
- (vii) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)

(b) **BINTANG KECEMERLANGAN SUKAN SELANGOR (B.K.S.)**

- (i) Bintang ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
- (ii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang telah menempa nama di Peringkat Antarabangsa atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan yang berjaya di Peringkat Antarabangsa atau sekurang-kurangnya di Peringkat ASEAN
- (iii) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah memenangi Pingat di kejohanan-kejohanan di Peringkat ASEAN seperti Sukan SEA atau yang setaraf dengannya.
- (iv) Ahli-ahli yang dikurniakan Bintang ini tidak berhak menggunakan sebarang gelaran pada pangkal nama mereka

- (v) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Bintang ini tidak melebihi lima (5) orang pada satu-satu masa dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah seratus (100) orang.
- (vi) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)

(c) **PINGAT KECEMERLANGAN SUKAN SELANGOR (P.K.S.)**

- (i) Pingat ini layak dikurniakan kepada Pegawai-pegawai atau Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor (anak kelahiran atau yang bermastautin di Negeri Selangor atau yang mewaikli Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- (ii) Pegawai-pegawai yang layak adalah Pegawai-pegawai yang terkenal di Peringkat Kebangsaan atau telah melahirkan Ahli-ahli sukan Selangor yang berjaya di Peringkat Kebangsaan.
- (iii) Individu yang layak adalah Ahli-ahli Sukan Negeri Selangor yang telah menunjukkan kecemerlangan yang konsisten dan telah memenangi Pingat dalam sukan di Peringkat Negeri atau Peringkat Kebangsaan.
- (iv) Bilangan kuota orang yang dikurniakan menjadi Ahli Pingat ini tidak melebihi lima (5) orang pada satu-satu masa dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah dua ratus (200) orang.
- (v) Pencalonan adalah daripada Majlis Sukan Negeri (M.S.N.)

2.4. BINTANG NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

(a) BINTANG PERKHIDMATAN CEMERLANG (B.P.C.)

- (i) Calon yang layak untuk dikurniakan Bintang ini ialah **Pegawai-Pegawai Kerajaan** dan penerima Bintang ini mestilah telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya selama **7 tahun** dengan Kerajaan dan **4 tahun daripadanya dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan** terus menerus.

2.5 PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

(a) PINGAT KEBERANIAN TERBILANG (P.K.T.)

- (i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini ialah orang yang telah menunjukkan perbuatan yang amat cemerlang dan amat berani di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan pada keadaan-keadaan yang boleh mendatangkan bahaya besar kepada dirinya.

(b) PINGAT PEKERTI TERPILIH (P.P.T.)

- (i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang menunjukkan perbuatan yang dianggap terbilang di Negeri Selangor Darul Ehsan ini di samping menunjukkan budi pekerti yang cemerlang.
- (ii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.

(c) **PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C.)**

- (i) Pingat ini sama tarafnya dengan Pingat Jasa Kebaktian dan boleh dipertimbang untuk dikurniakan kepada seseorang **Pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan** yang sedang atau telah berkhidmat melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan cemerlang dan mempunyai kelakuan yang terpuji.

(d) **PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)**

- (i) Orang yang layak dikurniakan pingat ini adalah orang yang telah berjasa kepada Negeri Selangor Darul Ehsan. Ini termasuk perkhidmatan kemasyarakatan yang cemerlang, penghasilan kerja yang cemerlang dan mempunyai pekerti dan sifat-sifat yang terpuji. Pertimbangan juga boleh diberi kepada orang yang berkhidmat lama di Negeri Selangor Darul Ehsan.
- (ii) Kurniaan ini juga sesuai bagi pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan.

(e) **PINGAT PERKHIDMATAN SELANGOR (P.P.S.)**

- (i) Pingat ini boleh dikurniakan kepada **Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Sokongan** yang sedang atau telah berkhidmat terus menerus **sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun** dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan berkelakuan baik dalam perkhidmatannya.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah (SSAAS)
40503 Shah Alam
Selangor

**GARIS PANDUAN BAGI PENCALONAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL.	DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN	PERKHIDMATAN AWAM	SWASTA	POLITIK	NGO
1.	S.P.M.S. / S.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred Utama Turus III Melebihi 50 tahun	Pengerusi Eksekutif Pengarah Urusan Syarikat Utama IPTS Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun	Melebihi 50 tahun
2.	D.P.M.S./ D.S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 54 Melebihi 45 tahun	Pengarah Urusan Syarikat Utama IPTS Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun	Melebihi 45 tahun
3.	S.M.S./ S.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 48 Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun	Melebihi 40 tahun
4.	A.M.S./ A.I.S. a) Gred Jawatan b) Umur	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 26 Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun	Melebihi 35 tahun
5.	B.P.C. a) Gred Jawatan b) Umur c) Tempoh Berkhidmat	Pentadbiran Awam Kehakiman Polis/ Tentera IPTA Minimum Gred 22 Melebihi 40 tahun Melebihi 7 Tahun			

**GARIS PANDUAN BAGI PENCALONAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT SUKAN SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**

BIL	DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN	PEGAWAI SUKAN	AHLI SUKAN
1.	<p>A.K.S.</p> <p>a) Sumbangan</p> <p>b) Kejohanan</p> <p>c) Tempoh Penglibatan</p>	<p>Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan</p> <p>Peringkat Antarabangsa (Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia , Kejohanan Peringkat Dunia)</p> <p>10 Tahun</p>	<p>Memenangi Pingat</p> <p>Peringkat Antarabangsa (Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia , Kejohanan Peringkat Dunia)</p> <p>10 Tahun</p>
2.	<p>B.K.S.</p> <p>a) Sumbangan</p> <p>b) Kejohanan</p> <p>c) Tempoh Penglibatan</p>	<p>Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan</p> <p>Peringkat Antarabangsa / Peringkat ASEAN (Sukan SEA)</p> <p>5 Tahun</p>	<p>Memenangi Pingat</p> <p>Peringkat Antarabangsa / ASEAN (Sukan SEA)</p> <p>5 Tahun</p>
3.	<p>P.K.S.</p> <p>a) Sumbangan</p> <p>b) Kejohanan</p> <p>c) Tempoh Penglibatan</p>	<p>Menempa nama / Melahirkan ahli-ahli sukan</p> <p>Peringkat Kebangsaan (Sukan Peringkat Kebangsaan / Negeri)</p> <p>3 Tahun</p>	<p>Memenangi Pingat</p> <p>Peringkat Kebangsaan (Sukan Peringkat Kebangsaan / Negeri)</p> <p>3 Tahun</p>

PANDUAN BAGI PENCALONAN PINGAT NEGERI SELANGOR

BIL	KRITERIA	PKT	PPT	PPC	PJK	PPS	JP
1.	Penjawat						
2.	I) Pentadbiran (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Berkhidmat	Tentera	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun Melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor	Kumpulan Sokongan Melebihi 35 tahun	Semua Kakitangan Kerajaan Melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor	
	II) Profesional (a) Gred Jawatan (b) Umur (c) Tempoh Berkhidmat	(Tentera) Sarjan, Koperal, Pangkat Biasa. (Polis) Sarjan, Lans Koperal, Koperal, Anggota Biasa	(Tentera) Lain-lain Pangkat. (Polis) Lain-lain Pangkat. Melebihi 35 tahun		(Tentera) Lain-lain Pangkat. (Polis) Lain-lain Pangkat. Melebihi 35 tahun		
3.	Ahli Politik (a) Jawatan (b) Umur		AJK Cawangan, Ahli Biasa. Melebihi 35 tahun		Ahli Biasa Melebihi 35 tahun		

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON
UNTUK PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
TAHUN 2019**

1. SENARAI DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR

DARJAH KEBESARAN			
Kelas Pertama	Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) (Membawa gelaran " Dato' Seri ")	Dato' Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' Setia ")	-
Kelas Kedua	Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) (Membawa gelaran " Dato' ")	Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' ")	-
Kelas Ketiga	Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (A.K.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)
Kelas Keempat	Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	-
BINTANG			
- Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)			
- Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B.K.S.)			
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN			
- Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)			
- Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (P.K.S.)			
- Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)			
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)			
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)			
- Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)			
WATIKAH PELANTIKAN JAKSA PENGAMAN (J.P.)			

2. KRITERIA

2.1. KRITERIA ASAS

2.1.1. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta Jenayah.

2.1.2. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Akta Pencegah Rasuah.

2.1.3. Tidak terlibat di bawah Akta Kebankrapan

2.2. KRITERIA TAMBAHAN

2.2.1. KATEGORI ANAK NEGERI SELANGOR

Dilahirkan di Selangor dan Kuala Lumpur (Sebelum 1974)

KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM	Berkhidmat di Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none">i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan semasa.ii) Gred Jawatan sekurang-kurangnya Gred Utama Turus III (bagi Darjah Kebesaran Kelas Pertama) dan Gred 54 (bagi Darjah Kelas Kedua) atau setaraf dengannya.iii) Disokong oleh Ketua Jabataniv) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
	Berkhidmat di luar Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none">i) Sama seperti (i) – (iv) di atas.ii) Bagi pegawai-pegawai tertinggi Persekutuan yang dapat membantu Pentadbiran Negeri seperti KSU setaraf atau setanding, Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan tetapi tidak diberi keutamaan sekiranya telah dikurniakan 'Datuk' oleh Kerajaan Persekutuan atau lain-lain negeri.

<p>KATEGORI POLITIK</p>	<p>Berkhidmat di Negeri Selangor atau Kerajaan Persekutuan</p>	<p>Anggota Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Speaker, Ahli EXCO, Timbalan Speaker, - Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Persekutuan <p>i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar.</p> <p>ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan.</p> <p>Bukan Anggota Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, - Ahli Parlimen <p>i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar.</p> <p>ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan.</p>
--------------------------------	----------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

2B) BUTIR-BUTIR TEMPAT BERTUGAS

Gelaran Jawatan : _____
 Pejabat : _____
 Alamat : _____

 Poskod : _____ Bandar : _____ Daerah : _____
 No. Telefon Pejabat : _____ No. Faks: _____

**3) BUTIR-BUTIR PARTI / PERTUBUHAN / PERSATUAN (BAGI PENCALONAN PARTI POLITIK / NGO / SUKAN)
 (Sila Nyatakan Parti / Pertubuhan / Persatuan Yang Memperakukan Pencalonan Sahaja)**

Jawatan/ Keahlian : _____
 Nama Pertubuhan/ Persatuan / Parti (Nyatakan Satu Sahaja) : _____
 Nama Bahagian/ Cabang/ Kawasan/ Cawangan/ Ranting : _____
 Alamat Parti/ Pertubuhan/ Persatuan : _____

 Poskod : _____ Bandar : _____
 Telefon Pejabat : _____ No Faks: _____
 Tempoh Memegang Jawatan/ Menjadi Ahli/ Tempoh Penglibatan : _____ Tahun. (mulai : _____ Hingga : _____)
 Perkhidmatan (sila tandakan (✓) dalam satu petak sahaja) : Professional Politik NGO Sukan

**4. KATEGORI PENCALONAN
 (Sila Tandakan (✓) Dalam Satu Petak Sahaja)**

Istana Kerajaan Politik Swasta NGO Sukan

5. KURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT KERAJAAN NEGERI/ PERSEKUTUAN YANG TELAH DITERIMA

Bil.	Nama Darjah & Bintang Kebesaran/ Pingat	Singkatan	Negeri/ Persekutuan	Tahun Kurniaan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

6. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Bil.	Jabatan	Tahun
1.		
2.		
3.		

7. NAMA DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR YANG DICADANGKAN TAHUN INI : (Sila pastikan calon ini tidak dicalonkan dengan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat Negeri Selangor yang telah pun dikurniakan kepadanya)

S.P.M.S.	<input type="checkbox"/>	S.I.S.	<input type="checkbox"/>	B.K.S.	<input type="checkbox"/>	P.J.K.	<input type="checkbox"/>
S.S.I.S.	<input type="checkbox"/>	A.K.S.	<input type="checkbox"/>	P.K.T.	<input type="checkbox"/>	P.P.S.	<input type="checkbox"/>
D.P.M.S.	<input type="checkbox"/>	A.M.S.	<input type="checkbox"/>	P.K.S.	<input type="checkbox"/>		
D.S.I.S.	<input type="checkbox"/>	A.I.S.	<input type="checkbox"/>	P.P.T.	<input type="checkbox"/>	J.P. *	<input type="checkbox"/>
S.M.S.	<input type="checkbox"/>	B.P.C.	<input type="checkbox"/>	P.P.C.	<input type="checkbox"/>		

(Sila tandakan (✓) dalam satu petak sahaja)

* Watikah Pelantikan Jaksa Pendamai (J.P.)

8. RINGKASAN ASAS PENCALONAN

Sila Isi Lampiran 'B1'

9. BUTIR-BUTIR PENCADANG DAN PENYOKONG

1.	PENCADANG Tandatangan : (Nama dan Cop Rasmi) : Tarikh : No. Telefon :	
2.	PENYOKONG Tandatangan : (Nama dan Cop Rasmi) : Tarikh : No. Telefon :	

Borang yang tidak lengkap diisi akan terbatal dengan sendirinya

ASAS PENCALONAN

LAMPIRAN 'B1'

1. **Pengalaman :** *(Jawatan-iawatan yang pernah disandang/ tahun jawatan disandang/ tempat bertugas/ jabatan sewaktu menyandang jawatan)*
2. **Sumbangan :** *(Sama ada dalam Pergerakan Masyarakat/ Pertubuhan/ Profesional/ Sukan/ Kebajikan/ Sosial/ Agama di peringkat tempatan/ antarabangsa)*
3. **Penghargaan :** *(Yang pernah diterima daripada institusi-institusi tertentu atau kerajaan di peringkat tempatan/ antarabangsa)*

Borang yang tidak lengkap diisi akan terbatal dengan sendirinya

CONTOH

LAMPIRAN 'C'

**SENARAI NAMA PEGAWAI/KAKITANGAN YANG DICADANG
UNTUK KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN BINTANG
SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2019**NAMA JABATAN/MAJIKAN : JABATAN KERJA RAYA, SELANGOR

BIL.	NAMA/JAWATAN	NO. K/P LAMA DAN NO. K/P BARU	KURNIAAN
1.	Tuan Ir. Yusof bin Abu Pengarah Jabatan Kerja Raya Selangor	4234567 (520505-04-5355)	S.M.S.
2.	Tuan Haji Osman bin Awang Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Kerja Raya Selangor	4199924 (530728-06-5165)	S.I.S.
3.	Encik Salleh bin Ali Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Jabatan Kerja Raya Selangor	4635675 (560506-07-5929)	A.M.S.
4.	Encik Ali bin Baba Penolong Pengarah Bahagian Elektrik Jabatan Kerja Raya Selangor	4445678 (560830-12-4145)	A.I.S.
5.	Encik Abd. Jalil bin Khalid Jurutera Elektrik Bahagian Elektrik Jabatan Kerja Raya Selangor	4286286 (520027-14-5127)	B.P.C.
6.	Puan Maziah binti Adnan Juruteknik Kanan Bahagian Ukur Bahan Jabatan Kerja Raya Selangor	2460728 (5840728-08-5328)	P.P.T.
7.	Encik Tan Bee Kian Pembantu Tadbir Rendah Bahagian Pentadbiran Jabatan Kerja Raya Selangor	2927289 (591228-01-5421)	P.J.K.